



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/08/104 (HQ)

TNB SASAR TANAM 11,000 ANAK POKOK DI SELURUH SEMENANJUNG BAGI HIJAUKAN PERSEKITARAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mensasarkan untuk menanam 11,000 anak pokok di 11 lokasi terpilih di seluruh Semenanjung bagi tahun 2015/2016 bertujuan untuk menghijaukan persekitaran, supaya kemapanan alam sekitar dapat terus dipelihara seiring dengan arus kemajuan Negara.

Taman Pasif di Kuantan terpilih sebagai lokasi pertama dan lokasi pembuka tirai bagi program penanaman pokok *Tree for a Tree* ini, bukan sahaja bagi Negeri Pahang, tetapi juga bagi seluruh Negara untuk tahun 2015. Upacara pelancaran disempurnakan Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Seri Haji Adnan bin Haji Yaakob.

Menurut Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, program *Tree for a Tree* ini juga diperkenalkan bagi menzhahirkan keprihatinan dan komitmen TNB dalam menyahut seruan kerajaan agar usaha-usaha ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dapat dijalankan dengan bersungguh-sungguh serta berterusan.

“Di bawah program *Tree for a Tree* ini, TNB akan menjalankan aktiviti penanaman pokok di taman-taman awam terpilih di seluruh Semenanjung melalui kerjasama Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) sebagai rakan alam sekitar TNB, bersama pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan,” kata Leo Moggie.

Leo Moggie berkata, aktiviti menanam pokok sebegini telah dijalankan oleh TNB sejak tahun 2007 lagi tetapi pada skala kecil-kecilan. Malah, TNB sering menyertai aktiviti-aktiviti tanam pokok yang dianjurkan oleh pelbagai agensi kerajaan dan NGO pencinta alam. Ini adalah kerana memelihara, memulihara dan melindungi alam sekitar sentiasa menjadi antara keutamaan TNB dalam setiap projek yang dilaksanakan.

“Program *Tree for a Tree* ini adalah merupakan salah satu inisiatif penting dalam aspek alam sekitar, yang kita letak di bawah senarai tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB. Pastinya, TNB akan terus komited untuk melaksana dan menjayakan program ini di seluruh negara, dengan menjadikannya sebagai program CSR tahunan syarikat,” tambahnya Moggie lagi.

Bagi upacara pembuka tirai hari ini, seramai 300 orang sukarelawan terdiri daripada warga kerja TNB, Majlis Perbandaran Kuantan, pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kampus Muadzam Shah, komuniti Taman Pasif, dan orang awam, terlibat dalam penanaman 1,000 anak pokok dari spesis ‘Merawan Siput Jantan’, dan ‘Bintangor Laut’ di taman ini kerana ia bersesuaian dengan keadaan tanah di sini yang mempunyai kandungan asid yang tinggi.

Turut hadir ialah Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuantan, Dato' Haji Zulkifli Haji Yaakub, Presiden PEKA, Y.Bhg. Puan Sri To' Puan Datuk Shariffa Sabrina Syed Akil, dan Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin,

Dikeluarkan di Kuantan, Pahang, pada 29 Ogos 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Maizatul Nadiah Saadon 017-381 6602
atau Hawa Hj Anwar 019-269 1907*